



IKLAN JAWATAN KOSONG UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN

Universiti Sultan Zainal Abidin merupakan sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam yang ditubuhkan dibawah Akta Universiti dan Kolej 1971, dengan ini mempelawa seluruh warganegara Malaysia yang berkelayakan memohon untuk mengisi kekosongan jawatan sepertimana berikut:

- Jawatan : **JURUTERA**
(Pengarah, Pusat Pengurusan Harta Benda)
- Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan & Profesional
- Gred : J54
- Mata Gaji : Gaji Minimum RM6,179.00
Gaji Maksimum RM13,252.00
- Status Pelantikan : Tetap/ Peminjaman
- Syarat Lantikan : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
- (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - (c) Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- Syarat Kelayakan Bahasa Melayu : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

KRITERIA UMUM

1. Kecemerlangan Akademik

Mempunyai kelayakan akademik Ijazah Sarjana atau Ijazah Kedoktoran (PhD) atau pengiktirafan Badan Profesional adalah satu kelebihan. Mendapat “command of respect” dari kalangan rakan sejawat. Mempunyai rekod cemerlang dalam pengurusan serta cemerlang dalam khidmat profesional.

2. Kebolehan Memimpin & Mengurus

Mempunyai people skill yang boleh menerajui transformasi. Mempunyai pengalaman dan rekod perkhidmatan yang cemerlang serta disanjung baik dan dihormati berdasarkan kredibiliti oleh warga kampus, organisasi di mana seseorang berkhidmat dan masyarakat luar.

3. Kemahiran Komunikasi dan Interpesonal Yang Mantap

Mempunyai kemahiran komunikasi dan interpersonal yang mantap dalam mentadbir pelbagai lapisan masyarakat kampus yang multicultural.

4. Personaliti

Seorang yang berwibawa, berkarisma, bersahsiah tinggi, team player, serta mempunyai semangat dalaman yang kuat untuk memacu kecemerlangan Universiti.

KRITERIA KHUSUS

1. Pakar dalam bidang kejuruteraan

Berpengalaman luas dalam mengurus projek kerajaan, mengurus dan menyelaraskan kerja-kerja penyelenggaraan merangkumi kerja baikpulih bangunan, infrastruktur, elektrik, mekanikal dan landskap. Selain itu, calon juga perlu pakar dalam menghasilkan pelaporan berkaitan pembangunan dan penyelenggaraan serta dapat memberikan nasihat yang betul, tepat dan signifikan secara bertulis atau lisan kepada pihak Pengurusan Universiti dan jabatan-jabatan mengenai perkara yang berkaitan dengan kejuruteraan/ pembangunan/ penyelenggaraan.

Dapat melaksanakan apa-apa tugas lain yang berkaitan dari semasa ke semasa dan melaksanakan fungsi yang dipertanggungjawabkan serta skop tugas di bawah Perlembagaan atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain.

2. Pemikiran Strategik

Berkebolehan mengenalpasti, menjangka dan menganalisis isu dan masalah yang berkaitan dengan kejuruteraan/ pembangunan/ penyelenggaraan serta boleh mengatur strategi penyelesaian yang berkesan.

Berkebolehan melihat situasi dari pelbagai dimensi serta berkeupayaan mengambil tindakan dan membuat keputusan mengikut keutamaan, berpandangan jauh dan melihat isu dari perspektif yang luas dan menyeluruh.

3. Kepimpinan Berteraskan Nilai & Etika

Memiliki dan mempraktikkan nilai dan etika yang tinggi dalam setiap tindakan menggalakkan prinsip ketelusan, keadilan, integriti dan profesionalisme dalam pengurusan organisasi secara keseluruhan.

Menegakkan prinsip-prinsip kepimpinan yang baik termasuk bersikap anti rasuah, berdisiplin tinggi dan sentiasa mempamerkan komitmen yang tinggi.

Membina dan menggalakkan persekitaran kerja yang sihat dan selamat serta bebas daripada gangguan diskriminasi.

PERMOHONAN OLEH PEGAWAI YANG SEDANG BERKHIDMAT

Permohon-pemohon yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan/ Badan Berkanun hendaklah mengemukakan permohonan bersama satu salinan Kenyataan Perkhidmatan yang telah dikemaskini dan salinan Laporan Nilain Prestasi Tahunan (3 tahun berturut-turut).

PERHATIAN KEPADA PEMOHON

- (a) Hanya permohonan yang disenarai pendek sahaja akan dipanggil untuk temuduga.
- (b) Pemohon-pemohon yang tidak menerima jawapan selepas tiga (3) bulan dari tarikh tutup iklan jawatan adalah dianggap tidak berjaya.

CARA MEMOHON

1. Calon yang berminat perlu mengemukakan permohonan kepada Pendaftar UniSZA dengan mengemukakan:
 - (a) Surat permohonan;
 - (b) *Curriculum Vitae* (CV) lengkap dan terkini yang mengandungi maklumat-maklumat berikut:
 - i. Latar belakang peribadi (termasuk No. Kad Pengenalan), keluarga, alamat surat menyurat, nombor telefon dan e-mel untuk dihubungi;

- ii. Latar belakang pendidikan dan pengalaman kerjaya, anugerah dan sumbangan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.
2. Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemuduga.
3. Permohonan yang lengkap beserta dengan salinan-salinan sijil akademik dan lain-lain dokumen sokongan hendaklah dihantar kepada:

Pendaftar
Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)
Kampus Gong Badak
21300 Kuala Nerus
Terengganu Darul Iman
E-mel: pendaftar@unisza.edu.my
Telefon: 09-668 8360

4. Pegawai untuk dihubungi:
 - i) Puan Nor Falisha Akma binti Mustafa (09-668 8359)
falishaakma@unisza.edu.my
 - ii) Puan Nik Nur Adina Syafiqah binti Nik Zakaria (09-668 8176)
nikadinanikzakaria@unisza.edu.my
5. Tarikh permohonan adalah pada **21 Mac 2024 hingga 04 April 2024** (Jam 12.00 Tengah Hari).